

TAJUK 9 : IDENTITI NEGARA KITA

-9.2 Bendera Kebangsaan

12 NOV 2021 - Jumaat

PRAKTIS SUMATIF

ARAHAN :

1. **Baca dan fahami** nota yang terdapat dalam **buku teks muka surat 122 – 130.**
2. Kemudian, jawab latihan yang berikut.

PRAKTIS SUMATIF

Pilih jawapan yang sesuai.

1. Apakah sumbangan Encik Mohamed bin Hamzah yang menjadi kebanggaan negara kita?

Buku Teks
m.s. 122

- A Mencadangkan pengenalan Rukun Negara
- B Jawatankuasa Khas Persekutuan Tanah Melayu
- C Mereka bentuk bendera kebangsaan
- D Membuat pindaan terhadap reka bentuk bendera kebangsaan

JAWAPAN :

2. Apakah pihak yang bertanggungjawab menjalankan pertandingan mereka bentuk bendera Persekutuan?

Buku Teks
m.s. 122

- A Majlis Gerakan Negara
- B Majlis Raja-Raja Melayu
- C Jawatankuasa Perpaduan Negara
- D Jawatankuasa Khas Persekutuan Tanah Melayu

JAWAPAN :

3. Apakah fungsi bendera kebangsaan?

Buku Teks
m.s. 122

- A Simbol peluasan
- B Simbol keriangin
- C Simbol penyatuan
- D Simbol penjajahan

JAWAPAN :

4. Berapakah jalur merah dan putih yang terdapat pada bendera kebangsaan?

Buku Teks
m.s. 123

- A 11
- B 12
- C 13
- D 14

JAWAPAN :

5. Apakah nama bendera kebangsaan Malaysia?

Buku Teks
m.s. 124

- A Jalur Cahaya
- B Jalur Terbilang
- C Jalur Gemilang
- D Jalur Cemerlang

JAWAPAN :

6. Apakah maksud gemilang?

Buku Teks
m.s. 124

- A Berjaya
- B Bersinar
- C Bercahaya
- D Bergemerlapan

JAWAPAN :

7. Pernyataan berikut berkaitan dengan maksud warna yang terdapat pada bendera kebangsaan.

Buku Teks
m.s. 126

Melambangkan perpaduan rakyat yang berbilang kaum.


Apakah warna yang dimaksudkan?

- A Biru
- B Putih
- C Merah
- D Kuning

JAWAPAN :

8. Apakah maksud bulan sabit pada bendera kebangsaan?

Buku Teks
m.s. 126



- A Melambangkan perpaduan pelbagai kaum
- B Melambangkan perpaduan 13 buah negeri
- C Melambangkan kesetiaan kepada raja dan negara
- D Melambangkan agama Islam sebagai agama Persekutuan

JAWAPAN :

9. Bagaimanakah keadaan bendera semasa berkabung?

Buku Teks
m.s. 129

- A Suku tiang
- B Separuh tiang
- C Meleret ke tanah
- D Diturunkan sepenuhnya

JAWAPAN :

10 Mengapakah kita perlu menghormati bendera kebangsaan kita?

Buku
Teks
m.s. 128

I Lambang kedaulatan negara

II Lambang kemegahan

III Lambang kemajuan

IV Lambang keharmonian

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

JAWAPAN :

11 Mengapakah kita perlu menghormati bendera kebangsaan negara lain?

Buku
Teks
m.s. 130

A Menjaga keamanan sejagat

B Menjaga hubungan luar

C Menjaga kepentingan ekonomi

D Menjaga identiti negara

JAWAPAN :

12 Apakah yang dimaksudkan dengan 14 jalur pada bendera kebangsaan negara kita?

Buku
Teks
m.s. 126

A Melambangkan kesucian dan keikhlasan

B Melambangkan perpaduan rakyat pelbagai kaum

C Kerjasama antara negeri-negeri di Malaysia

D Perpaduan 13 buah negeri dan sebuah kerajaan Persekutuan

JAWAPAN :